

NO. SOALAN: 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 25 MAC 2015

SOALAN : 10

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah benar bahawa Malaysia Nuclear Power Corporation (MNPC) sudah mengenal pasti beberapa lokasi loji kuasa tenaga nuklear yang akan dibina di Malaysia. Mengapakah projek yang begitu penting sekali diberikan kepada syarikat swasta.

JAWAPAN: (OLEH YB DATO' MAH SIEW KEONG, MENTERI DI JPM)

Tuan Yang di-Pertua,

Lokasi-lokasi untuk kajian tapak pembinaan janakuasa nuklear belum dikenalpasti. Tiada sebarang kajian lapangan, atau, dengan izin, *fieldwork*, untuk pemilihan tapak loji janakuasa nuklear telah dilaksanakan sehingga kini.

Sehingga kini, hanya kajian secara umum menggunakan komputer dan pelbagai jenis peta-peta digital, atau, dengan izin, *desk-top study*, telah dilaksanakan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada tahun 2009 hingga 2010, sebelum penubuhan, dengan izin, *Malaysia Nuclear Power Corporation* (MNPC) pada Januari 2011. Hasil kajian ini adalah secara umum dan tidak spesifik kepada lokasi, kerana tiada maklumat mengenai struktur dalam bumi yang hanya boleh diperolehi melalui kajian lapangan, atau, dengan izin, *fieldwork*.

Apabila kajian lapangan berkenaan dilaksanakan, maklumbalas daripada masyarakat setempat di sekitar tapak berkenaan akan diperolehi berdasarkan peraturan dan garis panduan kawalseliaan, atau, dengan izin, *regulations and regulatory guides*, yang sedia ada bagi Penilaian Terperinci Impak Alam Sekitar, atau, dengan izin, *Detailed Environmental Impact Assessment* (DEIA), Penilaian Kesan Radiologi, atau dengan izin, *Radiological Impact Assessment* (RIA) dan Penilaian Impak Sosial, atau, dengan izin, *Social Impact Assessment* (SIA).

Kajian-kajian mengenai penjanaan kuasa nuklear ini dilaksanakan oleh, dengan izin, *Malaysia Nuclear Power Corporation* (MNPC), sebagai sebuah syarikat jaminan terhad, atau, dengan izin, *company limited by guarantee*, tanpa modal saham. MNPC terletak di bawah tadbir urus Jabatan Perdana Menteri. MNPC berfungsi sebagai Organisasi Pelaksanaan Program Tenaga Nuklear, atau, dengan izin, *Nuclear Energy Programme Implementing Organisation* (NEPIO), berdasarkan garis panduan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) untuk sebarang negara yang meneliti penggunaan tenaga nuklear.

Sekian, terima kasih.